

## Usaha kembalikan maruah bangsa

# Kita tidak tunduk pada sesiapa: Dr M

**KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikrar tidak akan tunduk dan mengaku kalah dengan manamana pihak dalam usaha untuk menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa bermaruah.**

"Saya mempunyai cita-cita besar, saya tidak mahu mengaku kalah dengan sesiapa pun. Kalau tak percaya, datanglah," tegasnya.

Beliau dengan lantang menegaskan bahawa bangsa Melayu berupaya menjadi satu bangsa yang maju dan bermaruah jika mereka berani berubah.

"Orang Melayu jangan mempunyai perasaan rendah diri atau kecewa dalam peringkat awal lagi sebelum berani menjalankan perubahan.

"Saya percaya orang Melayu jika dicabar, ia akan bangun membuktikan keupayaan seperti yang pernah kita tunjukkan sebelum ini," ujarnya.

### Kritik

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas kritikan-kritikan dari perwakilan muda dari Melaka dalam Perhimpunan Agung Umno yang menyatakan pelaksanaan projek Perbadanan Industri Serat Malaysia (Hilcom) belum berkemampuan mengendalikannya.

Katanya, cakap-cakap yang sama telah kita dengar sebelum kita mencapai kemerdekaan dari British dulu.

"Parti Pas sebelum ini mencekuk usaha Umno untuk mendapatkan kemerdekaan dari penjajah dengan menyatakan bahawa belum tahu membuat jarum sebatang pun, sudah mahu menuntut kemerdekaan."

"Apakah kita mahu meniru suara-suara yang pernah di-

laung oleh Pas itu," tanya beliau sambil dijawab oleh perwakilkan, "tidak...tidak."

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyebut bahawa pandangan yang sama telah diungkapkan ketika mahu menubuhkan Universiti Kebangsaan.

"Berbagai-bagai pandangan diluahkan termasuk menyatakan mana kita nak cari anak Melayu melanjutkan pelajaran dan menguntung orang lain atau sebagainya."

Tetapi sekarang, tambahnya, kita lihat Universiti Kebangsaan sendiri mempunyai 85 peratus penuntut Melayu.

"Kita perlu menghapuskan masalah rendah diri ini demi kemajuan dan menjaga maruah bangsa Melayu."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya rasa kecewa bila mendapati bahawa pandangan yang datang itu dari orang muda."

Katanya, bagaimana orang muda berani mengutarakan pandangan itu walhal sepatutnya mereka itulah yang diharapkan memperjuangkan maruah bangsa.

"Sebagai orang muda, sepatutnya beliau menyatakan

mampu melaksanakan dan jika ada apa-apa masalah dalam melaksanakan tugas itu kita boleh perbetukan."

Perdana Menteri kemudian memetik satu pepatah Cina yang berbunyi "Perjalanan seribu batu, ia dimulakan dengan selangkah." Ini disambut dengan tepukan gemuruh.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya yang berusia 59 tahun, masih seperti-cita besar. Saya tidak nampak mengapa orang muda seperti wakil Melaka itu tidak bercita-cita besar."

### Berani

Beliau menegaskan, orang Melayu boleh berubah jika mereka berani membuat perubahan.

"Saya percaya orang Melayu ada kelebihan jika kita mahu berbuat demikian," ujarnya.

Beliau berkata: "Kita keras kalau orang lain keras tetapi kita akan berlembut jika orang lain berlembut."

"Oleh itu, jika orang lain mahu menipu orang Melayu, mereka perlu berlembut-lembut, ramallah kena tipu," katanya sambil disambut dengan gelak ketawa.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia